

Setahun lagi (1954) kita akan dapat menyaksikan apakah akuan-akuan ahli-ahli UMNO akan mengutamakan kata-katanya yang berdegar-degar itu. Janji-janji sudah begitu banyak sehingga payah orang hendak mengingatnya sebab janji itu ditujukan untuk menarik orang ramai kepada haluan yang dihalakan mereka. Jadi pada tahun 1954 nantilah tarikh yang muktamad adakah mereka tergamak meninggalkan kerusi-kerusi mereka atau pun ada lagi di antara mereka yang menyebut atau mau duduk di atas kerusi baharu.

\*\*\*

Sedang di dalam heboh-heboh itu “doktor Giblas UMNO” di dalam dakyahnya di Pahang telah mengatakan kepada umat Pahang bahawa dengan pilihan raya itulah sahaja nanti dapat menghapuskan komunis di Malaya! Betulkah begitu? Tiap-tiap orang yang berakal payah hendak menerima dakyah itu kerana komunis harus pula bertapak di sini jika wamai orang-orangnya masuk di dalam pilihan raya. Sesungguhnya dakyah yang pakai main lepas begitu sahaja selalu menjadikan orang-orang berpendapatan sentiasa terkena tipu sahaja.

\*\*\*

A`ūdhubillāh min al-Shaiṭān al-Rajīm-aku berlindung dengan nama Allah daripada syaitan yang kena rejam, Apa syaitan itu? Ialah bangsa iblis yang termasuk di dalamnya sekalian hantu dan sebab itulah sesiapa yang bergelar hantu tentulah daripada mereka yang kena rejam, yang membuat pengacau kepada anak-anak Adam! Kalau tidak percaya boleh lihat sendiri.

\*\*\*

Tidak ada seseornag pun orang-orang Islam yang akan dapat menafikan bahawa komunis diharamkan oleh Islam dan begitu juga orang-orang yang jadi komunis itu bukan daripada orang-orang Islam. Kalau ia berasal daripada orang-orang Islam lalu masuk dan memeluk faham komunis maka sudah tetap ia murtad. Dengan itu tidak ada soalan lagi bahawa adakah seseorang akan dapat mengukur iman seseorang. Yang demikian ini lebih terang lagi tidak dapat dielakkan sekiranya ada perkara-perkara yang tertulis di dalamnya yang cuba menafikan hukum-hukum Allah umpamanya membenarkan faham ateis! Cuba nafikan adakah mereka bukan daripada orang-orang yang murtad?

Lima orang India telah meletakkan jawatan daripada menjadi ahli di dalam *Federal Council* kerana “menjaga maruah” mereka kerana tidak dilantik menjadi “Menteri” untuk mentadbirkan Malaya. Yang peliknya wakil kerajaan India di sini dikatakan campur tangan. Dengan ini sekarang sudah terang adakah mereka sebenarnya telah taat setia kepada Malaya atau jadi orang muzabab – mau perut kenyang di sini tetapi masih taat kepada negeri asalnya.

\*\*\*

Kalau kerajaan India boleh buat-apakah pula nanti atas kerajaan Cina. Kalau sebelum merdeka begitu tentulah kalau merdeka lebih-lebih lagi. Kalau orang UMNO bilang, sesudah merdeka, mau berikat sahabat dengan Indonesia kerana berasal seketurunannya tentu orang Cina pula minta bersahabat dengan dua negara Cina, Chiang Kai Shik dan Mao Tze Tung – dan kemudian mendesak supaya di antara Malaya dengan Cina tidak ada lagi peraturan imegresen – kalau sudah begitu-apa kata?

\*\*\*

Sir Cheng Lok Tan dikatakan berkata bahawa sepanjang-panjang sejarah orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina tak pernah bertelingkah! Betulkah begitu? Apa Sir Cheng Lok Tan cuba menutup matahari dengan birukah? Apa orang Melayu lupa yang rumah mereka dibakar

tatkala masa peralihan pemerintahan jawapan dengan British dahulu? Apa orang Melayu masih lupakah bahawa belum lagi berkuasa dan memerintah sudah begitu ganasnya kepada Melayu apa lagi kalau pemerintahan ada di tangan mereka? Wal hasil banyak tarikhnya yang masih diingat! Ini barang kali Sir Cheng Lok pakai sedap bercakap sahaja untuk membodohkan orang-orang Melayu!

\*\*\*

Kalau kita lihat keadaan di tanah air kita sekarang sesungguhnya memusingkan kepala kita memikirkan dan kerana itu hendaklah pada satu-satu saatnya kita mencari hal-hal yang melampangkan hati- di antaranya kata seorang rakan sejawat kita ialah yang baik sekali supaya kita beramai-ramai bertanam bunga “orkid”-ia seru kita supaya kita bersama-sama dan kerana itu untuk “melampangkan fikiran cara ini “kita minta pendapatan pembaca apakah kita beramai-ramai menanam bunga orkid?-Cemeti al-Farouk

